

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS PERASMIAN WACANA ILMU
SEKTOR HARTANAH DAN INDUSTRI
BINAAN ANGKASA 2022**

28 NOVEMBER 2022 (ISNIN)

8.30 MALAM

**HOTEL CRYSTAL CROWN
PETALING JAYA, SELANGOR**

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
PROGRAM]**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama hadir untuk Perasmian Program Wacana Ilmu Sektor Hartanah dan Industri Binaan ANGKASA 2022.

2. Saya menzahirkan rasa berbesar hati dan terima kasih kepada Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Binaan atas jemputan untuk saya menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan program ini.

3. Saya mengambil kesempatan ini juga, untuk merakamkan ucapan

setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta yang hadir ke program ini. Wacana ini bertujuan untuk berkongsi peluang-peluang baharu yang boleh diterokai koperasi dan perkongsian pengalaman dari koperasi yang berjaya.

4. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa meningkatkan ilmu dan pengetahuan supaya kita dapat meneroka peluang-peluang baharu untuk diadaptasikan dalam koperasi.

**Tuan-tuan/Puan-puan
sekalian**

dihormati

5. Sektor hartanah dan binaan antara sektor yang turut terjejas kesan pandemik Covid-19 dan kegawatan ekonomi. Namun dalam tempoh separuh pertama tahun 2022, prestasi urus niaga sektor ini meningkat 30 peratus dengan transaksi bernilai RM84 bilion. Subsektor hartanah yang terlibat adalah kediaman, perdagangan,

industri, pertanian dan tanah pembangunan.

6. Ini berdasarkan Laporan Pasaran Hartanah Separuh Pertama Tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), agensi di bawah Jabatan

Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

7. Menurut laporan itu, sektor hartanah kediaman merekodkan 116,178 transaksi bernilai RM45.62 bilion dengan Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor dan Selangor membentuk kira-

kira 47 peratus daripada keseluruhan kediaman nasional.

8. Aktiviti pasaran memperlihatkan trend positif manakala pelancaran kediaman baharu memperlihatkan sentimen berhati-hati. Amat perlu pemaju koperasi memberi perhatian pada data rumah yang tidak terjual,

selain memastikan rumah yang dibina menepati permintaan dengan harga mampu milik sebelum melaksanakan projek baharu.

9. Ini amat penting dalam memastikan penawaran perumahan selari dengan permintaan dan isu ketidak padanan dapat

diminimumkan. Untuk makluman, lebih 34,000 unit kediaman bernilai RM21.7 bilion yang siap dibina tidak terjual dalam tempoh separuh pertama tahun ini dengan Johor merupakan negeri mencatatkan jumlah tertinggi.

10. Saya menyarankan pemaju koperasi untuk merujuk Portal Unsold

Property Enquiry System Malaysia (UPESM) dibangunkan NAPIC sebelum merancang pembangunan baharu di sesuatu kawasan serta menjalankan kajian menyeluruh agar dapat membuat keputusan yang tepat dan tidak menyumbang kepada lambakan stok rumah pada masa hadapan.

11. Saya mengharapkan wacana ilmu ini bukan sahaja memberi impak positif kepada percambahan idea, pemikiran dan peluang baharu tetapi menjadi platform untuk mencari jalan memperkasakan sektor hartanah dan binaan koperasi dalam suasana ekonomi yang kian mencabar ini.

Dengan lafaz
bismillahirrahmaanirrahim, saya
dengan ini merasmikan WACANA ILMU
SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH
DAN INDUSTRI BINAAN ANGKASA 2022.

Sekian, terima kasih.